

# MAKLUMAT VAKSIN COVID-19 BAGI PENERIMA VAKSIN CORONAVAC (SINOVAC)



## SIAPAKAH YANG LAYAK MENERIMA VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?

Semua penduduk layak menerima vaksin COVID-19 CoronaVac KECUALI GOLONGAN TERTENTU.

## SIAPA YANG TIDAK LAYAK MENERIMA VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?

Anda tidak layak menerima vaksin COVID-19 CoronaVac sekiranya anda:

- Mempunyai alahan kepada vaksin COVID-19 CoronaVac atau mana-mana bahan kandungan vaksin COVID-19 CoronaVac (sila lihat bahagian Penerangan Produk). Tanda-tanda tindak balas alahan mungkin termasuk ruam atau kegatalan kulit, sesak nafas dan bengkak pada muka atau lidah.
- Mempunyai sejarah alahan yang teruk terhadap mana-mana vaksin yang lain
- Mempunyai penyakit neurologi yang serius seperti radang saraf tunjang (*transverse myelitis*), *demyelinating diseases* dan sindrom Guillain-Barre
- Mempunyai penyakit teruk dan/atau kronik yang tidak terkawal
- Pemberian vaksin kepada individu yang sedang mengalami penyakit akut (*acute disease*, *acute exacerbation of chronic disease*) dan demam perlu ditangguhkan.

## ADAKAH KANAK-KANAK, REMAJA DAN WARGA EMAS LAYAK MENERIMA VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?

Vaksin COVID-19 CoronaVac belum disarankan untuk kanak-kanak berusia 18 tahun ke bawah kerana data keselamatan dan keberkesanan yang terhad buat masa ini.

Warga emas berusia 60 tahun dan ke atas adalah layak menerima vaksin COVID-19 CoronaVac.

## ADAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN VAKSIN COVID-19 CORONAVAC SEKIRANYA SAYA SEDANG MENGANDUNG ATAU MENYUSU BAYI?

Individu hamil 14 – 33 minggu boleh mengambil Vaksin COVID-19 CoronaVac, WALAU BAGAIMANAPUN pengambilan vaksin boleh ditangguhkan selepas melahirkan anak.

Bagi kandungan yang berusia lebih 34 minggu, vaksinasi boleh dilakukan selepas konsultasi dengan doktor.

Ibu yang sedang menyusui bayi juga boleh mengambil vaksin COVID-19 Coronovac.

## ADAKAH SAYA DIBERI PILIHAN UNTUK MEMILIH JENIS VAKSIN COVID-19?

**Tidak.** Penerima vaksin tidak dibenarkan untuk memilih jenis vaksin COVID-19 yang akan diterima. Ia bergantung kepada bekalan stok sedia ada di pusat vaksinasi serta penilaian individu terhadap jenis-jenis vaksin yang ada.

## ADAKAH VAKSIN COVID-19 CORONAVAC SELAMAT PENGGUNAANNYA DI MALAYSIA?

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah Malaysia (Drug Control Authority of Malaysia) telah meluluskan pendaftaran bersyarat bagi penggunaan vaksin ini di Malaysia.

Kebenaran Penggunaan semasa Kecemasan (EUA) juga telah diluluskan oleh beberapa agensi regulatori lain seperti di Mexico, Brazil, Chile, Paraguay, China, Hong Kong, Turki, Kemboja dan Indonesia.

## APAKAH YANG PERLU SAYA MAKLUMKAN KEPADA PETUGAS KESIHATAN SEBELUM MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?

Maklumkan kepada petugas kesihatan sekiranya anda:

- Mempunyai sejarah alahan yang teruk
- Sedang menjalani rawatan yang melemahkan sistem imun badan
- Mempunyai penyakit saraf teruk seperti *Tranverse Myelitis*, *Guillian-Barre Syndrome*, *Demyelinating Disease*
- Mempunyai penyakit kronik teruk yang tidak terkawal
- Sedang mengandung atau merancang untuk hamil
- Sedang menyusukan bayi
- Telah menerima vaksin COVID-19 daripada jenama yang lain

## APAKAH BAHAN-BAHAN YANG TERKANDUNG DALAM VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?

Vaksin COVID-19 CoronaVac terdiri daripada virus SARS-CoV-2 yang telah mati dan tidak aktif. Bahan-bahan lain adalah *aluminium hydroxide*, *disodium hydrogen phosphate*, *monosodium dihydrogen phosphate*, *sodium chloride*, *sodium hydroxide*, and *water for injection*. Vaksin COVID-19 CoronaVac tidak mengandungi alkohol dan bahan pengawet.

## BAGAIMANA VAKSIN COVID-19 CORONAVAC DIBERIKAN?

Vaksin COVID-19 CoronaVac akan diberikan secara suntikan ke dalam otot bahu. Anda akan menerima sebanyak dua (2) dos vaksin dalam selang masa (3) minggu (21 hari). Anda hendaklah menerima kedua-dua dos lengkap bagi memastikan perlindungan optimum. Bagaimanapun, vaksin ini tidak memberi jaminan untuk melindungi semua orang daripada jangkitan COVID-19. Vaksin ini diberi bertujuan untuk mengurangkan risiko mendapat gejala teruk dan kematian akibat COVID-19.

## ADAKAH SAYA AKAN DILINDUNGI SEPENUHNYA SELEPAS MENERIMA VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?

Antibodi akan terbentuk selepas dos pertama diberikan. Walau bagaimanapun, pembentukan antibodi hanya mencapai tahap optimum selepas pemberian dos kedua. Ini bermakna individu yang disuntik vaksin COVID-19 CoronaVac hanya akan dilindungi secara optimum selepas menerima kedua-dua dos.. Walaupun seseorang itu telah menerima dos lengkap vaksin, beliau masih perlu mengamalkan langkah pencegahan seperti mengamalkan 3W iaitu *Wash, Wear, Warn* dan mengelakkan 3C iaitu mengelakkan *Confined space* (Sempit), *Crowded* (Sesak) dan *Close conversation* (Sembang dekat). Walau bagaimanapun, pada masa ini, tempoh perlindungan jangka panjang terhadap COVID-19 masih belum diketahui.

## APAKAH PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN SELEPAS MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?

Setelah menerima suntikan vaksin COVID-19 CoronaVac, penerima vaksin perlu:

1. Berada di ruang pemerhatian yang ditetapkan sekurang-kurangnya selama 15 minit.
2. Anda mesti memaklumkan kepada petugas kesihatan atau mendapatkan rawatan segera sekiranya anda mengalami tanda-tanda berikut selepas menerima vaksin COVID-19 CoronaVac:
  - Kesukaran bernafas
  - Pembengkakan muka, bibir dan tekak
  - Denyutan jantung yang sangat cepat
  - Ruam teruk timbul di seluruh badan
  - Berasa pening dan lemah tubuh badan
3. Penerima vaksin perlu sentiasa mengamalkan norma baharu dan mengikut langkah pencegahan penyakit COVID-19.
4. Anda perlu menyimpan kad vaksinasi yang diberi oleh anggota kesihatan. Apabila anda mendapat dos pertama, anda akan diberi kad vaksinasi dan tarikh temujanji bila anda perlu mendapatkan dos kedua vaksin COVID-19 CoronaVac.

## APAKAH KESAN SAMPINGAN VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?

Vaksin ini adalah selamat dan kesan sampingan yang telah dilaporkan adalah ringan dan bersifat sementara. Kesan sampingan ringan yang kerap dilaporkan adalah seperti berikut:

- Sakit di tempat suntikan
- Pembengkakan di tempat suntikan
- Keletihan (*tiredness*)
- Sakit kepala
- Sakit otot
- Menggigil
- Sakit sendi
- Demam
- Hilang selera makan
- Sakit perut
- Kemerahan di tempat suntikan
- Loya
- Sakit tekak
- Berasa tidak sihat
- Cirit birit
- Pembengkakan kelenjar limfa
- Kesan-kesan sampingan yang mungkin akan dilaporkan dari semasa ke semasa.

Walaupun sangat jarang berlaku, ada kemungkinan vaksin COVID-19 CoronaVac boleh menyebabkan reaksi alahan yang teruk. Gejala alahan yang teruk biasanya berlaku dalam tempoh beberapa minit hingga satu jam setelah menerima vaksin COVID-19 CoronaVac.

## SEKIRANYA SAYA MENGALAMI KESAN SAMPINGAN SELEPAS SUNTIKAN, APAK YANG PERLU SAYA LAKUKAN?

Sekiranya anda mengalami kesan sampingan, sila dapatkan rawatan dengan segera ke klinik kesihatan atau hospital terdekat. Sila laporkan kesan sampingan selepas menerima vaksin COVID-19 CoronaVac melalui aplikasi MySejahtera atau secara atas talian di laman sesawang: [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my) [*Consumers > Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]. Anda kemungkinan juga mendapat kesan sampingan yang lain yang belum pernah dilaporkan sebelum ini.

## BOLEHKAH SAYA MENOLAK UNTUK MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?

Anda boleh memilih untuk tidak menerima vaksin kerana penerimaan vaksin COVID-19 ini adalah secara sukarela. Sekiranya anda mempunyai penyakit kronik dan warga emas, penerimaan vaksin ini boleh mengurangkan risiko keterukan penyakit apabila anda dijangkiti.

## BAGAIMANA SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?

1. Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut, sila bertanya kepada petugas kesihatan berhampiran
2. Anda juga boleh melayari laman sesawang yang mengandungi maklumat yang lebih tepat dan dipercayai seperti:
  - <https://www.vaksinocovid.gov.my>
  - <https://www.npra.gov.my>
  - WHO: [www.who.int](http://www.who.int)



# LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA.